



SK : 3.1 (SP:3.1.1)

Padankan setiap huraian dengan istilah yang betul.

1.	Harga kos	Nilai wang yang berkurang kerana harga kos lebih tinggi daripada harga jual.
2.	Harga jual	Harga atau nilai yang dikurangkan daripada harga atau nilai asal.
3.	Untung	Apa yang dimiliki seperti wang tunai atau harta benda.
4.	Rugi	Potongan daripada sejumlah bayaran yang kena bayar atau pemulangan sebahagian daripada wang selepas membuat bayaran
5.	Diskaun	Senarai barangan atau perkhidmatan serta harganya yang dihantar oleh pembekal kepada pelanggan.
6.	Rebat	Sejumlah wang yang diperolehi apabila seseorang menyimpan wang di bank dalam tempoh tertentu.
7.	Baucer	Harga barang yang diperolehi sebelum dijual kepada orang lain.
8.	Bil	Bahagian keuntungan yang diberikan ke atas wang yang dilaburkan untuk perniagaan atau saham.
9.	Resit	Wang yang diperolehi apabila harga jual lebih tinggi daripada harga kos.
10.	Invois	Cukai yang perlu dibayar ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh perniagaan tertentu seperti restoran.
11.	Aset	Harga sesuatu barang yang perlu dibayar oleh pembeli
12.	Liabiliti	Kepingan kertas kecil yang melayakkan pemiliknya mendapat potongan harga atau boleh ditukar dengan barangan lain.
13.	Faedah	Penyata rasmi yang menunjukkan bahawa bayaran sudah diterima.
14.	Dividen	Tanggungan kewangan atau hutang.
15.	Cukai perkhidmatan	Surat keterangan tentang harga barang atau perkhidmatan yang diterima.

TP1	TP2	TP3	TP4	TP5	TP6

Markah